

Praktis PT3 – Kata Adjektif

Bahagian A

A. Lengkapkan ayat-ayat berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai

1. Sambutan murid terhadap kejohanan itu agak _____
A reda C sejuk
B tenang D dingin
2. Pisang emas yang masak _____ itu tidak sedap digoreng.
A ranum C lembik
B subur D empuk
3. Pembahas pertama itu agak _____ untuk memulakan perbahasannya.
A rimas C gugup
B janggal D kecut
4. Sinar mata petani yang _____ itu benar-benar membayangkan kesengsaraan yang ditanggungnya.
A gelap C mendung
B redup D samar
5. Suara pengurus bola sepak yang _____ itu dapat didengar hingga hujung padang.
A deras C lantang
B besar D pekat
6. Azrin mempunyai masa depan yang _____ dalam bidang sukan sekiranya diberi bimbingan.
A cerah C jelas
B terang D indah

B. Pilih ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betulnya.

- | | |
|---|--|
| <p>7</p> <p>I Saya berasa hendak <i>runtuh</i> ketika melalui jalan yang licin itu.</p> <p>II Potret para pahlawan yang <i>runtuh</i> ketika perang turut dipamerkan di galeri itu.</p> <p>III Rumah buruk yang tidak berpenghuni di hujung kampung itu sudah <i>runtuh</i>.</p> <p>IV Harga saham hampir <i>runtuh</i> di pasaran saham seluruh dunia akibat daripada kegawatan ekonomi.</p> <p>A. I dan II sahaja
B. III dan IV sahaja
C. I, II dan III sahaja
D. II, III dan IV sahaja</p> | <p>8</p> <p>I Sejak pagi tadi dia tidak jemu-jemu melepaskan benang yang <i>kusut</i> itu.</p> <p>II Fikirannya semakin <i>kusut</i> apabila memikirkan masalah yang menimpa keluarganya.</p> <p>III Badan lelaki itu makin lama makin <i>kusut</i> kerana dia menghidap penyakit yang kronik.</p> <p>IV Sejak kalah dalam pertandingan tempoh hari, semangatnya semakin <i>kusut</i>.</p> <p>A. I dan II sahaja
B. III dan IV sahaja
C. I, II dan III sahaja
D. II, III dan IV sahaja</p> |
|---|--|

Bahagian B

Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan.

- i) Barang-barang besi yang sudah burok dan rosak di dalam stor akan kami jual.

- ii) Nyamuk aedes mudah membiak di dalam bekas atau takungan yang mempunyai air yang jerneh.

- iii) Minyak kelapa yang disimpan lama di rak itu tidak dapat digunakan kerana sudah berbau tenggek.
